

Read this Product Disclosure Sheet before you decide to participate in the i-Murni. Be sure to read the general terms and conditions.

Hong Leong MSIG Takaful Berhad ("HLM Takaful")
i-Murni
27-May-2021

1. What is this product about?

i-Murni is a group takaful plan that provides coverage in the event of death or Total and Permanent Disability (due to all causes). This plan is yearly renewable up to age 65 next birthday (ANB). This product also provides coverage for Accidental Death, Accidental Total and Permanent Disability, Accelerated Critical Illness, Hospital Income Benefit and Funeral Expense. Upon maturity, the balance in the Participant's Account (PA) shall be payable.

2. What are the Shariah concepts applicable?

Tabarru'

Tabarru' means donation from the portion of the contribution that will be allocated to the Participants' Risk Fund (PRF), which will be used for mutual aid and assistance among the fellow Person Covered.

Iltizam Bi Al-Tabarru'

Iltizam bi Al Tabarru' means the commitment to make Tabarru'.

Ju'alah

Ju'alah means an agreement in which Person Covered agree to reward Takaful Operator for its achievement or good performance in managing the Participants' Risk Fund (PRF) that leads to surplus of the fund.

Mudarabah

Mudarabah means a contract between Person Covered and Takaful Operator whereby Person Covered provide the contribution to be managed by Takaful Operator for investment purpose. Any investment profit from the Participant's Account (PA) is to be shared between Person Covered and Takaful Operator in the ratio of 90:10. In the event of investment loss, the loss will be borne by Person Covered provided that such losses are not due to Takaful Operator's misconduct (ta'addi), negligence (taqsir) or breach of specified terms (mukhalafah al-shurut).

Wakalah

Wakalah means essentially an agent-principal relationship, where Takaful Operator act as an agent on behalf of the Person Covered to manage the Participants' Risk Fund (PRF) and Participant's Account (PA) on the Person Covered's behalf and Takaful Operator earn Wakalah Fee for services rendered.

Qard

Qard means an interest-free loan provided by Takaful Operator in the event of a deficit in the Participants' Risk Fund (PRF).

3. What are the covers/benefits provided?

| No | Benefit | Sum Covered | Description | Takaful Certificate Term (years) |
|----|---|--------------|--|----------------------------------|
| 1 | Death (all causes) | RM 20,000.00 | In the event of Death (due to all causes), 100% of the Basic Sum Covered and Account Value, if any, is payable. | 34 years |
| 2 | Total and Permanent Disability (TPD) (all causes) | RM 20,000.00 | In the event of TPD (due to all causes) before attaining age 65, 100% of the Basic Sum Covered and Account Value, if any, will be payable, 6 months from the time of incidence of TPD, in one lump sum.* | 34 years |
| 3 | Accidental Death | RM 20,000.00 | In the event of Accidental Death of the Person Covered during the term of the Takaful certificate, additional 100% of the Basic Sum Covered will be payable on top of the Death Benefit (all causes). | 34 years |
| 4 | Accidental TPD | RM 20,000.00 | In the event of Accidental TPD of the Person Covered during the term of the Takaful certificate, additional 100% of the Basic Sum Covered will be payable on top of the TPD Benefit (all causes).* | 34 years |
| 5 | Accelerated Critical Illness (CI) | RM 10,000.00 | In the event of the Person Covered being diagnosed with any one of the 36 critical illness defined in the Master Certificate, the Sum Covered for Accelerated Critical Illness will be payable to the Person Covered. The Basic Sum Covered will be reduced by any amount payable under this benefit. For Angioplasty and other invasive treatments for coronary artery disease, amount payable under this benefit is limited to 10% of the Sum Covered for Accelerated CI subject to a maximum of RM25,000. Please refer to Appendix 1 for the list of critical illnesses covered under this benefit. | 34 years |
| 6 | Funeral Expense | RM 2,500.00 | In the event of Death of the Person Covered during the term of the Takaful certificate, the Sum Covered for Funeral Expense will be payable to the nominee in one lump sum. | 34 years |

| No | Benefit | Sum Covered | Description | Takaful Certificate Term |
|----|-------------------------------|---------------|--|--------------------------|
| 7 | Hospital Income Benefit (HIB) | RM 20 per day | In the event of confinement/hospitalization due to illness or injury of the Person Covered during the term of the Takaful certificate, the relevant Hospital Income Benefit, up to a maximum of 52 weeks per confinement/hospitalization and a maximum lifetime limit of 730 days, will be payable. Two or more periods of confinement for the same or related causes being deemed to be continuous confinement if the period between two consecutive periods of confinement is not more than 30 days. | 34 years |
| 8 | Maturity Value | N/A | Upon maturity, the balance in the Participant's Account (PA) shall be payable (if any). | 34 years |

Note:

* The current maximum TPD limit per life is RM8 million, for all TPD Benefits payable under all certificates (including riders) already issued or to be issued, including this certificate in respect of the same Person Covered.

4. How much contribution do I have to pay?

The total contribution that you have to pay and the Takaful certificate terms may vary depending on the underwriting requirements of the Takaful Operator and the plan selected.

- The monthly contribution that you have to pay: RM25.00

5. What are the fees and charges that I have to pay?

| Type | Amount |
|---|---|
| Wakalah Fee | 43.80% of Total Contribution |
| Surrender Charge (upon surrender of your Takaful Certificate) | No surrender charge applies |
| Stamp Duty | RM 10.00 (borne by Master Certificate Holder) |
| Commission | 10.00% of Total Contribution |
| Partial Withdrawal Charge | Not applicable |

6. What are some of the key terms and conditions that I should be aware of?

- Importance of disclosure : Precontractual duty of disclosure - You have a duty to disclose all material facts, including but not limited to medical condition and state your age correctly. You have a duty to disclose any relevant information that you know or are expected to know to the best of your knowledge and in good faith.
- Free-look period - you may cancel your Takaful certificate by returning the Takaful certificate within 15 calendar days after you have received the Takaful certificate. The contributions that you have paid (less any medical fee incurred) will be refunded to you.
- You should satisfy Yourself that the plan serves Your needs and that You can afford the contribution.
- Nomination - you can choose who will receive the benefits upon your death by filling in a Nomination form. Your Takaful certificate will state whether you have already nominated a person to receive the benefits. If you have not chosen anyone, please complete the Nomination form which can be obtained from the Takaful Operator's representative and send it to the Takaful Operator immediately.
- It is important that you keep the receipt the Takaful Operator sent to you, Debit or Credit Card or Bank Statement or your pay slip as proof of payment of contribution for any future reference.
- Iltizam bi Al-Tabarru' - Part of your contribution in the Participant's Account (PA) shall be allocated into the Participants' Risk Fund (PRF) based on Iltizam bi Al-Tabarru' concept.
- Sharing of Surplus arising from Participants' Risk Fund (PRF) - Any surplus from Participants' Risk Fund (PRF) shall be distributed between you and us in the ratio of 50:50. We are entitled to the surplus based on the Shariah principle of Ju'alah.
- Sharing of Investment Profit arising from your Participant's Account (PA) - We shall invest and manage the Participant's Account (PA) based on the terms and conditions of the certificate and the profit arising out of this investment, if any, shall be credited into your Participant's Account (PA) after deducting our Mudarabah profit share of 10%.
- The Takaful certificate will not commence until the Takaful Operator has officially received and accepted the Proposal Form and a Takaful certificate indicating cover has commenced has been issued. The Takaful Operator will only accept the proposal once the contribution has been paid.
- The cash amount that the Takaful Operator will pay you when you cancel the Takaful certificate before the maturity period will be much less than the total amount of contribution that you have paid.
- Partial withdrawal is allowed after one (1) year from the Takaful Certificate commencement date, subject to a minimum of fifty Ringgit Malaysia (RM50) remaining in the Participant's Account (PA).

Note: This list is non-exhaustive. Please refer to the Takaful Certificate for the terms and conditions under this Takaful certificate.

7. What are the major exclusions under this Takaful certificate?

- No Death benefit and Funeral Expenses other than the Account Value shall be payable if:
 - Death is due to suicide within 12 months from the Takaful Certificate Commencement Date.
 - Death is due to natural causes unless at the time of death, the Person Covered has been covered for more than 12 months from the Takaful Certificate Commencement Date (only applicable for plan A, B and C).
- No TPD benefit, Accidental Death benefit and Accidental TPD benefit other than the Account Value shall be payable if such event results directly or indirectly from:
 - intentional self-inflicted injury or any attempt threat while sane or insane
 - any breach of the law by the Person Covered.
 - HIV infection, AIDS or any AIDS related complex or any AIDS related condition.
 - military or navy service in time of declared or undeclared war, while under order for warlike operations or restoration of public order.
- No TPD benefit and Accidental TPD benefit other than the Account Value shall be payable if such event results directly or indirectly from:
 - Pre-Existing Condition:
 - Pre-Existing Condition shall mean any injury or illness:
 - (a) which existed or have developed prior to the effective date of coverage; or
 - (b) where there exists manifestation of illnesses prior to effective date of coverage; or
 - (c) which based on normal medically accepted pathological development of the illness, such illness would have existed prior to effective date of the coverage.

- No Hospital Income Benefit shall be payable if specified illnesses occurring during the first hundred and twenty (120) days after the Takaful Certificate Commencement Date.
- No Accelerated Critical Illness benefit shall be payable if:
 - Cancer, Heart Attack, Coronary Artery By-Pass Surgery, Serious Coronary Artery Disease and Angioplasty and Other Invasive Treatments for Coronary Artery Disease, for which the signs or symptoms first occurred within sixty (60) days following the Takaful Certificate Commencement Date.
 - All other critical illnesses for which the signs or symptoms first occurred within thirty (30) days following the Takaful Certificate Commencement Date.

Note: This list is non-exhaustive. Please refer to the Takaful certificate for the terms and conditions under this certificate.

8. Can I cancel my certificate?

Yes. You can cancel your Takaful certificate by providing a written notice to us. Participating in a Family Takaful plan is a long-term financial commitment. It may not be advantageous to surrender or replace an existing certificate with a new one. If you do not pay your contributions within the grace period, your certificate may lapse.

9. What do I need to do if there are changes to my contact details?

It is important that you inform us of any change in your/your nominee contact details by providing a written notice to us to ensure that all correspondences reach you in a timely manner.

10. Where can I get further information?

Should you require additional information about Family Takaful, please refer to the *insuranceinfo* booklet on 'Family Takaful', available at all our branches or you can obtain a copy from the Takaful Consultant or visit www.insuranceinfo.com.my.

If you have any enquiries, please contact us at:

Hong Leong MSIG Takaful Berhad
Address: Head Office, Level 5, Tower B, PJ City Development
No. 15A, Jalan 219, Seksyen 51A
46100 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia.
Telephone: +603-7650 1800
Fax: +603-7620 6730
Email: ReachUs@takaful.hongleong.com.my

IMPORTANT NOTE:

PARTICIPATING IN A FAMILY TAKAFUL PLAN IS A LONG-TERM FINANCIAL COMMITMENT. YOU MUST CHOOSE THE TYPE OF CERTIFICATE THAT BEST SUITS YOUR PERSONAL CIRCUMSTANCES. YOU SHOULD READ AND UNDERSTAND THE TAKAFUL CERTIFICATE AND DISCUSS WITH THE TAKAFUL AGENT OR CONTACT THE TAKAFUL OPERATOR DIRECTLY FOR MORE INFORMATION.

The information provided in this disclosure sheet is valid as at 27-May-2021.

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK

Sila baca Lampiran Penerangan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk menyertai i-Murni. Pastikan juga anda membaca terma dan syarat-syarat.



Hong Leong MSIG Takaful Berhad ("HLM Takaful")
i-Murni

27-May-2021

1. Apakah produk ini?

i-Murni adalah pelan takaful berkelompok yang menawarkan perlindungan sekiranya berlaku kematian atau Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (disebabkan oleh semua sebab). Pelan ini boleh diperbaharui setiap tahun sehingga usia 65 tahun hari jadi berikutnya (ANB). Produk ini juga melindungi Kematian (Kemalangan), Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (Kemalangan), Penyakit Kritis (Bayaran Manfaat Dipercepatkan), Manfaat Pendapatan Perubatan dan Perbelanjaan Pengebumian. Setelah kematangan, baki dalam Akaun Peserta (PA) akan dibayar.

2. Apakah konsep-konsep Shariah yang digunakan?

Tabarru'

Tabarru' bermaksud sebahagian daripada sumbangan yang akan diperuntukkan kepada Dana Risiko Peserta (PRF), yang akan digunakan untuk bantuan bersama dan pertolongan dalam kalangan Orang Dilindungi lain.

Iltizam Bi Al-Tabarru'

Iltizam bi Al Tabarru' bermaksud komitmen untuk melakukan Tabarru'.

Ju'alah

Ju'alah bermaksud perjanjian di mana Orang Dilindungi bersetuju untuk memberikan ganjaran kepada Pengendali Takaful atas pencapaian atau prestasi baik dalam menguruskan Dana Risiko Peserta (PRF) yang menyebabkan berlakunya lebihan dalam dana tersebut.

Mudarabah

Mudarabah bermaksud kontrak antara Orang Dilindungi dan Pengendali Takaful di mana Orang Dilindungi menyediakan sumbangan untuk diurus oleh Pengendali Takaful untuk tujuan pelaburan. Sebarang keuntungan pelaburan dari Akaun Peserta (PA) akan dikongsi antara Orang Dilindungi dan Pengendali Takaful dalam nisbah 90:10. Sekiranya pelaburan mengalami kerugian, kerugian akan ditanggung oleh Orang Dilindungi, dengan syarat kerugian tersebut tidak disebabkan oleh salah laku Pengendali Takaful (ta'addi), kecualian (taqisir) atau pelanggaran terma-terma tertentu (mukhalafah al-shurut).

Wakalah

Wakalah bermaksud pada dasarnya hubungan ejen-prinsipal, di mana Pengendali Takaful bertindak sebagai ejen bagi Orang Dilindungi untuk menguruskan Dana Risiko Peserta (PRF) dan PA (Akaun Peserta) dan Pengendali Takaful memperoleh Yuran Wakalah bagi perkhidmatan yang diberikan.

Qard

Qard bermaksud pinjaman tanpa faedah yang disediakan oleh Pengendali Takaful sekiranya berlaku defisit di dalam Dana Risiko Peserta (PRF).

3. Apakah perlindungan/manfaat yang disediakan?

| No | Manfaat | Jumlah Perlindungan | Penerangan | Tempoh Sijil Takaful (tahun) |
|----|---|---------------------|--|------------------------------|
| 1 | Kematian (semua punca) | RM 20,000.00 | Sekiranya berlaku Kematian (akibat semua punca), 100% daripada Jumlah Perlindungan Asas dan Nilai Akaun, jika ada, akan dibayar. | 34 tahun |
| 2 | Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (TPD) (semua punca) | RM 20,000.00 | Sekiranya berlaku TPD (akibat semua punca) sebelum berumur 65 tahun, 100% daripada Jumlah Perlindungan Asas dan Nilai Akaun, jika ada, akan dibayar, 6 bulan dari masa kejadian TPD, dalam satu jumlah.* | 34 tahun |
| 3 | Kematian (Kemalangan) | RM 20,000.00 | Sekiranya berlaku Kematian (Kemalangan) kepada Orang yang Dilindungi semasa tempoh sijil Takaful, tambahan 100% daripada Jumlah Perlindungan Asas akan dibayar di atas Manfaat Kematian (semua punca). | 34 tahun |
| 4 | TPD (Kemalangan) | RM 20,000.00 | Sekiranya berlaku TPD (Kemalangan) kepada Orang yang Dilindungi semasa tempoh sijil Takaful, tambahan 100% daripada Jumlah Perlindungan Asas akan dibayar di atas Manfaat TPD (semua punca).* | 34 tahun |
| 5 | Penyakit Kritis (Bayaran Manfaat Dipercepatkan) (CI) | RM 10,000.00 | Sekiranya Orang Dilindungi didiagnosis dengan salah satu daripada 36 penyakit kritis yang dinyatakan dalam Sijil Induk, Jumlah Perlindungan untuk Penyakit Kritis akan dibayar kepada Orang Dilindungi. Jumlah Perlindungan Asas akan dikurangkan dengan jumlah dibayar di bawah manfaat ini. Untuk Angioplasti dan rawatan invasif lain untuk penyakit arteri koronari, jumlah yang akan dibayar di bawah manfaat ini adalah terhad kepada 10% daripada Jumlah Perlindungan Asas Bayaran Manfaat Dipercepatkan (CI) tertakluk kepada maksimum RM25,000. Sila rujuk Lampiran 1 untuk senarai penyakit kritis di bawah manfaat ini. | 34 tahun |

| | | | | |
|---|------------------------------------|-------------------|---|----------|
| 6 | Perbelanjaan Pengebumian | RM 2,500.00 | Sekiranya berlaku Kematian Orang Dilindungi sepanjang tempoh sijil Takaful, Jumlah Perlindungan Asas untuk Perbelanjaan Pengebumian yang berkaitan akan dibayar kepada penama dalam satu jumlah. | 34 tahun |
| 7 | Manfaat Pendapatan Perubatan (HIB) | RM 20 setiap hari | Sekiranya berlaku kemasukan hospital akibat penyakit atau kecederaan Orang Dilindungi sepanjang tempoh sijil, Manfaat Pendapatan Perubatan berkenaan, maksimum 52 minggu setiap kemasukan hospital dan had maksimum seumur hidup 730 hari, akan dibayar. Dua atau lebih tempoh penginapan atas sebab yang sama atau yang berkaitan akan dianggap tempoh penginapan berterusan jika tempoh antara dua tempoh penginapan tersebut tidak lebih daripada 30 hari. | 34 tahun |
| 9 | Nilai Kematangan | N/A | Setelah kematangan, baki dalam Akaun Peserta (PA) akan dibayar (jika ada). | 34 tahun |

Nota:

*Had TPD maksimum semasa setiap hayat adalah RM8 juta, untuk semua Manfaat TPD yang perlu dibayar di bawah semua sijil (termasuk rider) yang sudah dikeluarkan atau akan dikeluarkan, termasuk sijil ini berkenaan dengan Orang Dilindungi yang sama.

4. Berapakah jumlah sumbangan yang saya perlu bayar?

Jumlah sumbangan yang perlu anda bayar dan tempoh sijil Takaful adalah berbeza bergantung kepada keperluan pengunderaitan oleh Pengendali Takaful dan pelan yang dipilih.

- Sumbangan bulanan yang anda perlu bayar adalah: RM 25.00

5. Apakah yuran-yuran dan caj-caj yang saya perlu bayar?

| Jenis | Jumlah |
|--|---|
| Yuran Wakalah | 43.80% daripada Jumlah Sumbangan |
| Caj Serahan (apabila anda membatalkan Sijil Takaful) | Tiada caj serahan dikenakan |
| Stamp Duty/Duti Setem | RM 10.00 (ditanggung oleh Pemegang Sijil Induk) |
| Komisyen | 10.00% daripada Jumlah Sumbangan |
| Caj Pengeluaran Separa | Tidak berkenaan |

6. Apakah terma dan syarat-syarat utama yang saya perlu tahu?

- Kepentingan pendedahan: Kewajipan pendedahan pra-kontrak - Anda mempunyai kewajipan untuk mendedahkan semua fakta material, termasuk tetapi tidak terhad kepada keadaan perubatan dan nyatakan umur anda dengan betul. Anda mempunyai kewajipan untuk mendedahkan apa-apa maklumat berkaitan yang anda tahu atau dijangka untuk mengetahui dengan sebaik-baik pengetahuan anda dan dengan niat baik.
- Tempoh Bertengang - anda boleh membatalkan sijil Takaful anda dengan memulangkan sijil Takaful dalam tempoh 15 hari selepas sijil Takaful dihantar kepada anda. Pengendali Takaful akan memulangkan semua sumbangan setelah ditolak yuran pemeriksaan perubatan yang ditanggung Pengendali Takaful.
- Anda perlu berpuas hati anda bahawa pelan ini memenuhi keperluan dan sumbangan yang dikenakan adalah mengikut kemampuan anda.
- Penamaan - anda boleh memilih siapa yang akan menerima manfaat selepas kematian anda dengan mengisi borang Penamaan. Sijil Takaful anda akan menyatakan sama ada anda telah menamakan seseorang untuk menerima manfaat tersebut. Jika anda belum menamakan sesiapa, sila lengkapkan borang Penamaan yang boleh didapati daripada wakil Pengendali Takaful dan hantarkan kepada Pengendali Takaful dengan serta-merta.
- Adalah penting untuk anda menyimpan resit yang dihantar Pengendali Takaful kepada anda, Penyata Kad Debit atau Kredit, Penyata Bank atau slip gaji anda sebagai bukti pembayaran bagi rujukan masa hadapan.
- Iltizam bi Al-Tabarru' - Sebahagian daripada sumbangan anda di Akaun Peserta (PA) akan diperuntukkan ke Dana Risiko Peserta (PRF) berdasarkan konsep Iltizam bi Al-Tabarru'.
- Perkongsian Lebihan daripada (Dana Risiko Peserta) PRF - Sebarang lebihan daripada Dana Risiko Peserta (PRF) akan diagihkan antara anda dan kami dalam nisbah 50:50. Kami berhak ke atas lebihan berdasarkan prinsip Shariah iaitu Ju'alah.
- Perkongsian Keuntungan Pelaburan daripada (Akaun Peserta) PA anda - Kami akan melabur dan mengurus Akaun Peserta (PA) mengikut terma dan syarat sijil Takaful dan keuntungan yang timbul daripada pelaburan ini, jika ada, akan dikreditkan ke dalam Akaun Peserta (PA) anda selepas ditolak bahagian keuntungan Mudarabah kami sebanyak 10%.
- Sijil Takaful tidak akan bermula sehingga Pengendali Takaful telah menerima Borang Cadangan secara rasmi dan Sijil Takaful menyatakan perlindungan telah bermula telah dikeluarkan. Pengendali Takaful hanya akan menerima cadangan setelah sumbangan telah dibayar.
- Amaun tunai yang akan dibayar oleh Pengendali Takaful apabila anda membatalkan sijil Takaful sebelum tempoh matang adalah kurang daripada jumlah sumbangan yang anda telah bayar.
- Pengeluaran separa dibenarkan selepas satu (1) tahun dari Tarikh Permulaan Sijil Takaful, tertakluk kepada baki minimum lima puluh Ringgit Malaysia (RM50) dalam Akaun Peserta (PA).

Nota: Senario ini adalah tidak lengkap. Sila rujuk Sijil Takaful untuk terma dan syarat-syarat di bawah sijil ini.

7. Apakah pengecualian utama di bawah sijil ini?

- Tiada manfaat Kematian dan Perbelanjaan Pengebumian selain daripada Nilai Akaun akan dibayar jika:
 - Kematian disebabkan oleh bunuh diri dalam masa 12 bulan dari Tarikh Permulaan Sijil Takaful.
 - Kematian disebabkan oleh punca semulajadi kecuali pada masa kematian, Orang Dilindungi telah dilindungi selama lebih dari 12 bulan dari Tarikh Permulaan Sijil Takaful (untuk pelan A, B dan C sahaja).
- Tiada manfaat TPD, manfaat Kematian (Kemalangan) dan manfaat TPD (Kemalangan) selain daripada Nilai Akaun akan dibayar jika berlaku secara langsung atau tidak langsung akibat:
 - Kecederaan yang disengajakan atau sebarang percubaan untuk berbuat demikian dalam keadaan siuman atau tidak siuman.
 - Sebarang perlenggaran undang-undang oleh Orang Dilindungi.
 - Jangkitan HIV, AIDS atau sebarang kerumitan berkaitan AIDS atau sebarang penyakit berkaitan AIDS.
 - Perkhidmatan tentera atau tentera laut pada masa peperangan yang diisytiharkan atau tidak, semasa di bawah arahan untuk operasi seperti peperangan atau memulihkan ketenteraman awam.

- Tiada manfaat TPD dan manfaat TPD (kemalangan) selain daripada Nilai Akaun akan dibayar jika berlaku secara langsung atau tidak langsung akibat:
 - Kedaan Sedia Ada:
 - Kedaan Sedia Ada bermaksud sebarang kecederaan atau penyakit:
 - (a) yang mana wujud atau berkembang sebelum tarikh berkuat kuasa perlindungan; atau
 - (b) yang mana terdapat manifestasi penyakit sebelum tarikh berkuat kuasa perlindungan; atau
 - (c) yang mana berdasarkan perkembangan patologi penyakit yang diterima secara perubatan, penyakit tersebut telah wujud sebelum tarikh berkuat kuasa perlindungan.
 - Tiada Manfaat Pendapatan Perubatan akan dibayar jika penyakit khusus yang berlaku dalam tempoh seratus dua puluh (120) hari pertama selepas Tarikh Kuat Kuasa Takaful Tambahan.
 - Tiada manfaat Penyakit Kritikal (Manfaat Bayaran Dipercepatkan) akan dibayar jika:
 - Kanser, Serangan Jantung, Pembedahan By-Pass Arteri Koronari, Penyakit Arteri Koronari Serius dan Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain untuk Penyakit Arteri Koronari, yang mana tanda-tanda atau gejala pertama kali berlaku dalam tempoh enam puluh (60) hari selepas Tarikh Permulaan Sijil Takaful.
 - Semua penyakit kritis lain yang mana tanda atau simptomnya pertama kali berlaku dalam tiga puluh (30) hari selepas Tarikh Permulaan Sijil Takaful.
- Nota: Senarai ini adalah tidak lengkap. Sila rujuk sijil takaful untuk terma dan syarat-syarat di bawah sijil ini.

8. Bolehkah saya batalkan sijil saya?

Ya. Anda boleh membatalkan sijil anda dengan memberikan notis bertulis kepada kami. Menyertai pelan takaful keluarga adalah komitmen kewangan jangka panjang. Jika anda tidak membayar sumbangan dalam tempoh ihsan, sijil anda mungkin lupus.

9. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan pada maklumat perhubungan saya?

Adalah penting untuk anda memaklumkan kami sebarang perubahan pada maklumat perhubungan anda/penama anda dengan memberikan notis bertulis kepada kami untuk memastikan segala surat menyurat dapat diterima pada masanya.

10. Di manakah boleh saya dapatkan maklumat lanjut?

Jika anda memerlukan maklumat tambahan tentang takaful keluarga, sila rujuk risalah *insuranceinfo* pada bahagian 'Takaful Keluarga' yang boleh didapati di semua cawangan kami atau anda boleh mendapatkan salinan daripada Perunding Takaful atau layari www.insuranceinfo.com.my

Sekiranya anda ada sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

Hong Leong MSIG Takaful Berhad
 Alamat: Ibu Pejabat, Level 5, Tower B, PJ City Development
 No. 15A, Jalan 219, Seksyen 51A
 46100 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia.
 Telefon : +603-7650 1800
 Faks : +603-7620 6730
 Emel : ReachUs@takaful.hongleong.com.my

NOTA PENTING:

PENYERTAAN DALAM PELAN TAKAFUL KELUARGA ADALAH SUATU KOMITMEN JANGKA PANJANG. ANDA HARUS MEMILIH JENIS PELAN YANG SESUAI DENGAN KEADAAN DIRI ANDA. ANDA HARUS MEMBACA DAN MEMAHAMI SIJIL TAKAFUL ANDA DAN BERBINCANG DENGAN AGEN TAKAFUL ATAU TERUS MENGHUBUNGI PENGENDALI TAKAFUL UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

Maklumat disediakan dalam helaian pendedahan ini sah pada 27-May-2021.